

Headline	Ilmu akademik, ketenteraan benteng pertahanan negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 May 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	492 cm ²
AdValue	RM 9,724	PR Value	RM 29,172



Ilmu akademik, ketenteraan benteng pertahanan negara

■ KUALA LUMPUR 4 MEI

BENTENG pertahanan negara perlu dikukuhkan dengan penerapan ilmu akademik dan tidak hanya boleh diserahkan 'bulat-bulat' kepada ketenteraan semata-mata.

Pandangan itu disuarakan oleh Pengerusi Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Senator Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor bahawa kepentingan ilmu dalam melahirkan perajurit berkepemimpinan tinggi sangat mustahak kepada agenda mempertahankan negara.

Lebih-lebih lagi, ujar bekas Panglima ATM itu, ketika landskap pertahanan antarabangsa berevolusi selepas pasca Perang Dunia Kedua yang melihatkan ancaman bukan lagi datang daripada sesebuah negara tetapi oleh kumpulan atau gerakan dengan agenda tertentu.

"Revolusi ketenteraan ini telah mewujudkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan tujuan utama membentuk pemimpin tentera yang bukan hanya mahir mengendalikan aset ketenteraan, malah meningkatkan kemahi-

ran berfikir dan rasionalisasi apabila berhadapan senario peperangan baharu hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel program Advokasi Ilmuwan bertajuk *Benteng Pertahanan Negara: Ilmu Akademik Atau Ketenteraan?* di UPNM di sini hari ini.

Yang turut menjadi panel Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPNM, Profesor Emeritus Datuk Dr. Tengku Mohd. Tengku Sembok dan Dekan Pengajian Siswazah Ghazali Shafie Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdullah.

Yang turut hadir Naib Canselor UPNM, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Datuk Dr. Raduan Che Ros; Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor dan Timbalan Setiausaha Agung MPN, Profesor Dr. Kamaruddin Said.

Program Advokasi Ilmuan dengan kerjasama MPN, *Utusan Malaysia* dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) hari ini merupakan siri terakhir untuk musim per-

tamanya.

Mengulas lanjut, Mohd. Anwar memberitahu, persoalan pertahanan negara tidak sewajarnya diletakkan sepenuhnya kepada ATM atau pasukan keselamatan lain, tetapi perlu mendapat kerjasama daripada masyarakat.

Berdasarkan konsep 'Hanruh' (Pertahanan menyeluruh) Mohd. Anwar menjelaskan, rakyat juga memainkan peranan menjaga kedaulatan pertahanan negara.

"Sebab itu dicadangkan supaya rakyat menjadi mata dan telinga kepada pasukan risikan tentera. Di Barat, apa juga perkara yang terceus sehingga menggugat keselamatan negara akan segera dilaporkan oleh rakyatnya," jelas beliau.



Headline	Ilmu akademik, ketenteraan benteng pertahanan negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 May 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	492 cm ²
AdValue	RM 9,724	PR Value	RM 29,172



MOHD. ANWAR MOHD. NOR (tiga dari kanan) bersama Zulkifli Zainal Abidin (tiga dari kiri), Hassan Mohd. Nor (dua dari kiri), Raduan Che Rose (tengah), Mohd. Kamarulnizam Abdullah (kanan) dan Tengku Mohd. Tengku Sembok (dua dari kanan) dalam Program Advokasi Ilmuan yang bertajuk Benteng Pertahanan Negara : Ilmu Akademik atau Ketenteraan? di Universiti Pertahan Nasional Malaysia , Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN /FARID JANUDIN